

**Usaha murni Pusat Jagaan Al-Fikrah mendapat perhatian Perdana Menteri  
Astro Awani  
Mac 23, 2016  
Malissa Sahari**

**Najib (kanan) bersama pengerusi Pusat Jagaan Al-Fikrah Azmi Mohd Zain ketika lawatannya pada Rabu. -Astro AWANI**

**KUALA LUMPUR: KAJANG:** Inisiatif yang dilakukan pengerusi Pusat Jagaan Al-Fikrah Azmi Mohd Zain harus dipuji kerana beroperasi secara proaktif dengan usaha sendiri.

Menurut perdana menteri Datuk Seri Najib Tun Razak, golongan yang terpinggir harus diberi keutamaan supaya mereka mendapat pembelaan sama seperti orang lain.

Beliau berkata demikian ketika melawat pusat jagaan tersebut yang menempatkan 70 penghuni, pada Rabu.

Jelas Najib, golongan yang terpinggir sering dianaktirikan oleh sesetengah masyarakat.

Untuk itu, katanya, pelbagai pihak digesa agar memberi perhatian dan turut sama memantau usaha yang dilakukan oleh beberapa individu yang sanggup mengorbankan masa dan wang semata-mata mahu membela nasib mereka yang tidak berkemampuan.

Prihatin dengan inisiatif pengerusi pusat jagaan itu, beberapa pihak turun padang bersama perdana menteri untuk menghantar barang-barang keperluan seperti kerusi roda, tilam, lampin pakai buang dan makanan.

Sementara itu, kerja baik pulih sistem paip dan pendawaian elektrik bakal dilaksanakan dalam tempoh terdekat agar penghuni di situ dapat menikmati kehidupan yang lebih selesa.

Pusat jagaan yang terletak di Kajang itu sudah beroperasi sejak 2013. Ia ditubuhkan bagi membantu individu yang tidak berkemampuan, orang kurang upaya (OKU) hidup sebatang kara selain remaja yang terjerumus dalam masalah sosial.

Tag: [Pusat Jagaan Al-Fikrah](#), [najib razak](#), [Azmi Mohd Zain](#), [golongan yang terpinggir](#)

© 2016 Astro Awani Network Sdn. Bhd. (535275-D) All Rights Reserved.

Source: <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/usaha-murni-pusat-jagaan-al-fikrah-mendapat-perhatian-perdana-menteri-99684>